

JPS janji aih longgokan tanah

Timbunan di tebing Sungai Melaka naikan kemarahan penduduk

Oleh Muhammad Hatim
Ab Manan
bhnews@bharian.com.my

MELAKA TENGAH: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka berjanji mengalihkan segera longgokan tanah yang dibiarkan di tebing Sungai Melaka, berhampiran Melaka Sentral, dekat sini, ke tempat lebih sesuai supaya tidak menjajaskan lagi kawasan rekreasi itu.

Jurutera Projek Perindahan Sungai JPS negeri, Kamaruddin Sahibon, berkata pihaknya akan berusaha memindahkan tanah berkenaan secepat mungkin sebagai menyahut aduan masyarakat di sekeliling kawasan.

Katanya, tindakan mengorek tebingan sungai berkenaan adalah sebahagian daripada projek bernilai RM1.8 juta bagi tujuan melebarkan kawasan itu untuk membolehkan perkhidmatan bot Melaka River Cruise sampai ke Melaka Sentral.

"Kami menerima aduan daripada orang ramai berhubung isu ini sebagai satu bentuk pandangan yang positif bagi mengelak tempat berkenaan menjadi becak sekali gus mencemarkan keindahan kawasan rekreasi terbabit.

Longgokan tanah cemar pusat riadah

Sikap tak bertanggungjawab kontraktor undang kemarahan, rosak imej bandar raya

Oleh Muhammad Hatim Ab Manan
bhnews@bharian.com.my

MELAKA TENGAH: Longgokan tanah yang dibiarkan di tebing Sungai Melaka berhampiran Melaka Sentral, dekat sini, sejak dua minggu yang lalu, mengundang rasa marah penduduk kerana mencemarkan keindahan kawasan rekreasi di situ.

Tinjauan Sentral mendapati bahawa aduan mengenai tebing yang sebelum ini menjadi tempat rekreasi pengunjung ketika hujung minggu telah menjadi masalah sejak dua minggu yang lalu.

Berikutan tindakan memindahkan tanah tersebut, jurutera projek perindahan sungai JPS negeri, Kamaruddin Sahibon, berkata pihaknya akan berusaha memindahkan tanah berkenaan secepat mungkin sebagai menyahut aduan masyarakat di sekeliling kawasan.



LONGGOKAN tanah setinggi dua meter dibiarkan di tebing Sungai Melaka berhampiran Melaka Sentral mencemarkan persekitaran, selain mengotorkan pondok berehat dan taman permainan kanak-kanak.

ee
Saya perasan kerja pelepasan sungai ini dilakukan menggunakan jentera pengkawat oleh pihak berurusan pada awal bulan lalu, tetapi berasa sangat kecewa apabila dapati mereka hanya membiarkan tanah yang ditorek begitu saja **ee**
Sand Jomati Penduduk

KERATAN akhbar 3 Mei 2012.



*Sebelum ini, pihak kontraktor hanya melakukan kerja pembersihan dan pelebaran sungai dalam skala kecil tetapi kini ia membabitkan skala besar **ee***

Kamaruddin Sahibon
Jurutera Projek Perindahan
Sungai JPS Melaka

"Namun kesulitan kesan longgokan tanah hasil daripada kerja melebarkan tebing sungai ini juga hanya bersifat sementara. Kami sudah mempunyai perancangan untuk memindahkannya ke tempat lain," katanya ketika dihubungi Sentral, kelmarin.

Sentral pada 3 Mei lalu ada menyiaran mengenai masalah longgokan tanah terbiar ini sejak dua minggu lalu yang mengundang rasa marah orang ramai kerana mencemarkan keindahan kawasan rekreasi di situ.

Tinjauan mendapati tanah se-

tinggi dua meter meliputi kawasan tebing melebihi 150 meter itu menjadi punca laluan pejalan kaki dipenuhi becak, selain kemudahan seperti pondok berehat dan taman permainan kanak-kanak menjadi kotor.

Kamarudin berkata, keseluruhan kawasan berkenaan bakal dibangunkan semula dengan kemudahan lebih sempurna termasuk jeti bagi merealisasikan Sungai Melaka sebagai laluan pengangkutan awam dalam usaha mengurangkan kesesakan jalan raya terutama pada hujung minggu dan musim cuti persekolahan.

"Kami berharap orang ramai dapat bersabar dengan sedikit perubahan di kawasan ini dalam tempoh tertentu. Sebelum ini, pihak kontraktor hanya melakukan kerja pembersihan dan pelebaran sungai dalam skala kecil tetapi kini ia membabitkan skala besar.

"Kerja pemindahan tanah ini mengambil masa beberapa minggu sebelum kerja pembangunan seterusnya bakal dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi penyediaan laluan perkhidmatan teksi air bermula dari Melaka Sentral," katanya.

Projek pembangunan di kawasan ini dijadual siap pada 2014.